



Pemulangan Bible: Penyelesaian bijak, adil

Pemulangan itu mengangkat martabat Islam, menunjukkan kesederhanaan dalam masyarakat majmuk dan mendapat pujian organisasi Islam.

LAPORAN LANJUT DI MUKA 2 & 3

UNISEL, KUIS dapat peruntukan besar

Antara teras utama ialah meletak peruntukan besar dalam aspek pendidikan khususnya Unisel dan Kuis bagi mengangkat martabat umat Islam.

BERITA DI MUKA 4

Sekolah Tahfiz Sains lahirkan saintis Islam

Kecenderungan menghantar anak memasuki institusi hafazan al-Quran menepati tradisi ulama saintis dan teknokrat seperti Ibn Sina

BERITA DI MUKA 4

Perpustakaan bergerak buruk, tiada peruntukan

Permintaan amat tinggi walaupun kita banyak perpustakaan desa, tetapi pelbagai pihak tetap perlukan perkhidmatan itu

BERITA DI MUKA 11

33 pasukan rebut Piala Dato' Mokhtar Dahari

Dengan tajaan bernilai RM120,000, kejohanan itu disertai 594 pemain dari 33 pasukan sekolah menengah di Petaling Perdana dan Petaling Utama.

BERITA DI MUKA 15



SELESAI... Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Mohammad Adzib Mohd Isa, menyerahkan semula Bible berbahasa Melayu dan Iban kepada Pengerusi ACS, Most Reved Archbishop Datuk Bolly Lapok sambil disaksikan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah; Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali; Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyez Abdul Wahid dan Pengarah Jais, Ahmad Zaharin Mohd Saad

Skim Dana Sel atasi masalah pinjaman bank

OLEH LIZAWATI MADFA

HULU LANGAT - Kerajaan Selangor akan melancarkan Skim Dana Sel bagi membantu pembeli rumah yang gagal memperoleh kelulusan pinjaman bank, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, mekanisme skim berkenaan akan diumumkan secara rasmi pada pembentangan Belanjawan Selangor 2015 yang dijadual 24 November ini.

"Skim ini diwujudkan ekoran dari

dasar pentadbiran sebelum 2008 yang kononnya mahu setingan sifar dengan menawarkan unit kos rendah kepada peneroka bandar.

"Sebahagian besar ditawarkan tinggal di rumah sementara dan transit dengan janji dua tahun rumah siap. Malangnya bertahun-tahun terbengkalai.

"Apabila siap, pembeli gagal dapatkan kelulusan pinjaman bank kerana usia lanjut. Sebab itu, kita wujudkan dana ini," katanya.

Beliau berkata demikian pa-

da Majlis Meraikan Pembeli Pangsapuri Selangorku Idaman PKNS Damai Residensi di Seksyen 3 Tambahan, Bandar Baru Bangi di sini, 15 November lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Iskandar Abdul Samad; Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Azlan Md Alifiah dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Nordin Sulaiman.

Damai Residensi ialah projek pertama rumah mampu milik Selangorku PKNS dengan 124 unit ditawarkan termasuk empat unit khas

untuk orang kelainan upaya (OKU).

Premis itu ditawarkan dengan harga serendah RM60,000 hingga RM90,000 berbanding nilai semasa RM250,000 hingga RM300,000.

Sebelum ini, PKNS membangunkan 1,400 unit rumah mampu milik di Bukit Botak tetapi kebanyakan pembeli gagal memperoleh pinjaman bank.

Mereka peneroka bandar yang dijanjikan tanah melalui skim penempatan semula oleh Kerajaan Selangor Umno-BN pada 1985.



SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) memulangkan semula Bible berbahasa Melayu dan Iban kepada Persatuan Bible Malaysia (PBM), 14 November lalu.

Serahan itu disaksikan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah; Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali; Mufti Se-

JAIS pulangkan semula Bible

langor, Datuk Mohd Tamyez Abdul Wahid dan Pengarah Jais, Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Sebelum ini, Mohamed Azmin menyatakan untuk merujuk Sultan Selangor bagi memohon perkenan dalam

menyelesaikan isu berkenaan.

Beliau juga mengadakan perbincangan dengan Jais dan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) bagi memastikan isu itu ditangani secara harmoni.

Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibra-

him sebelum ini cuba menggunakan pendekatan sama tetapi gagal mencapai kata putus.

Januari lalu, Jais mengambil lebih 300 Bible berbahasa Melayu dan Iban dari pejabat Pertubuhan Bible Malaysia

(PBM) di Damansara.

Ia berdasarkan Enakmen Agama Bukan Islam 1988 (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) yang menghalang orang bukan Islam di Selangor menggunakan kalimah Allah.

Bukan keputusan yang mudah

HULU LANGAT - Pemulangan Bible berbahasa Melayu dan Iban kepada masyarakat Kristian bukan satu tugas mudah, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau lega kerana isu itu selesai secara baik melalui persefahaman antara Mais, Persatuan Bible Malaysia dan masyarakat Kristian.

"Proses memulangkan Bible melalui siri perbincangan pelbagai pihak. Selepas mendapat perkenan Sultan Selangor, kita putus untuk pulangkan balik.

"Ia bukan tugas mudah, namun kita mesti berani buat keputusan sukar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Meraikan Pembeli Pangsapuri Selangorku Idaman PKNS Damai Residensi di Seksyen 3 Tambahan, Bandar Baru Bangi di sini, 15 November lalu.

Tak perlu bangkitkan lagi

KUALA LUMPUR - Isu pemulangan Bible tidak perlu dibangkitkan kerana ia sudah selesai sepenuhnya, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, isu itu selesai dengan cara baik selepas berlanjutan hampir setahun.

"Sudah selesai dengan cukup baik, sudahlah," katanya ringkas selepas merasmikan program Bantuan Anak Masuk Sekolah di pasaraya Econsave KL Festival City di sini, 16 November lalu.

Tidak boleh cetak, edar

SHAH ALAM - Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Mohammad Adzib Mohd Isa mensyaratkan, Bible berbahasa Melayu dan Iban tidak boleh diedar di Selangor dan hanya di Sarawak.

"Pemulangan dibuat dengan syarat ketat iaitu Bible mengandungi kalimah 'Allah' tidak diedar di Selangor," katanya pada kenyataan media 15 November lalu.

Beliau meminta Bible yang mengandungi kalimah 'Allah' tidak lagi dicetak dan diedar di Selangor kerana ia kesalahan mengikut Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan di Kalangan Orang Islam) 1998.

ABIM: Penyelesaian tolak kelompok ekstrem agama

OLEH **NAEEM RAFFI**

SHAH ALAM - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menyifatkan pendekatan Kerajaan Selangor menyelesaikan isu pemulangan Bible meletakkan Islam sebagai agama rahmat kepada semua umat-Nya.

Presidennya, Amidi Abdul Manan (**gambar**) juga menganggap ia mirip pendekatan 'good governance' yang digunakan Rasulullah SAW di Madinah bagi lebih menyatupadukan semua penganut agama dan kaum.

Katanya, ABIM percaya penyelesaian itu menunjukkan isu antara kaum dan agama dapat diselesaikan dengan baik tanpa campur tangan kelompok pelampau.

"Kelompok pelampau dari Islam

dan Kristian melihat isu itu dari kaca mata sentimen dan ia harus ditentang.

"Sebaliknya, ia sewajarnya dilihat dari kaca mata perpaduan antara kaum dan agama seperti pendekatan Kerajaan Selangor.

"Dalam hal ini, istana juga menolak suara kelompok pelampau yang banyak mendatangkan keburukan berbanding kebaikan," katanya kepada Selangor Kini.

Amidi berkata, seruan DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi memastikan Bible itu tidak disebar di Selangor



juga keputusan tepat.

"ABIM berharap semua pihak menghormati keputusan itu kerana peranan istana penting dalam melindungi kesucian Islam selain menjamin keadilan kepada agama dan kaum lain.

"Istana sudah membuktikan peranannya mendahulukan kesejahteraan rakyat berbanding suara pelampau agama yang penuh dengan api kebencian," katanya.

Sebelum ini, Mohamed Azmin memberi jaminan corak pentadbiran berteras Islam kerana ia agama rahmat untuk semua, selain menjadi teladan dalam menyokong kesederhanaan dan keadilan.

Kontroversi RM2.5 juta diputus dalam mesyuarat MBI

KUALA LUMPUR - Siasatan audit pampasan bekas kakitangan pentadbiran Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bernilai RM2.5 juta diserahkan kepada Menteri Besar Incorporated (MBI).

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata mesyuarat membabitkan Lembaga Pengarah MBI itu dijangka memutuskan tindakan lanjut.

Sebelum ini, beliau berkata, laporan siasatan audit itu dibentang pada Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) 12 November lalu.

"Bagaimanapun, kita akan membawa balik perkara itu dalam mesyuarat bersama MBI dan putus tindakan seterusnya.

"Sama ada pampasan ditarik juga akan dibincang. Hasil siasatan memang ada prosedur tidak dipatuhi dalam pemberian dengan jumlah begitu besar dan luar biasa itu," katanya.

Dalam laporan media, Abdul Khalid menyatakan pemberian pampasan kepada tujuh pegawai kanannya itu mematuhi prosedur sedia ada.

Media mengaitkan mereka sebagai bekas Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Faekah Husin dan bekas Setiausaha Akhbar, Arfa'za Abdul Aziz.

Pada 14 November lalu, Adun Seri Andalas, Dr Xavier Jayakumar membangkitkan hal itu menerusi twitter dengan mendakwa Kerajaan Sela-

“

Sama ada pampasan ditarik juga akan dibincang. Hasil siasatan memang ada prosedur tidak dipatuhi dalam pemberian dengan jumlah begitu besar dan luar biasa itu

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

ngor dalam proses mendapatkan semula wang berkenaan.

Beliau dikatakan menerima maklumat itu dari seorang ahli Exco yang dikatakan ditugaskan mendapatkan semula wang berkenaan.



Permulaan baik amal kesederhanaan

SHAH ALAM - Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang berharap penyelesaian isu pemulangan Bible menjadi titik permulaan ke arah Malaysia sebagai negara yang mengamal kesederhanaan.

"Seharusnya jadi titik mula kepada Malaysia yang sederhana," katanya pada kenyataan media 14 November lalu.

Mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Selangor, beliau mengulangi seruan supaya menamatkan ketegangan kaum dan agama yang menyekat pembangunan negara selama ini.

"Ada keperluan mendesak untuk semua rakyat, tanpa mengira kaum, agama dan politik, mengelakkan perkauman sempit.

"Tiba masanya untuk ambil langkah proaktif hentikan polarisasi kaum dan agama yang menimbulkan perpecahan dan perbalahan," katanya.

Kegagalan Khalid diselesaikan Azmin

SHAH ALAM - Penyelesaian isu pemulangan Bible menunjukkan kegagalan pentadbiran terdahulu hingga berlarutan selama sembilan bulan tetapi kini dapat diselesaikan dalam masa kurang 60 hari.

Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua (**gambar**), berkata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin ternyata menunaikan janji untuk mengembalikan Bible.

"Kami juga percaya kepimpinan Azmin mampu menyelesaikan itu dan pelbagai isu lain.

"DAP juga bersyukur atas kebijaksanaan Sultan Selangor dalam menyelesaikan isu agama dan kaum. Kebijaksanaan Tuanku memberi situasi menang-menang kepada semua," katanya.

Sebelum ini, bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim cuba menyelesaikan isu itu tetapi gagal hingga menerima banyak kritikan.



Pendekatan terbaik tangani isu agama

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Langkah pemulangan semula Bible menunjukkan kebijaksanaan Sultan Selangor dalam menyelesaikan ketegangan dan konflik antara agama.

Pengerusi Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama (BiPPA) Parti Keadilan Rakyat (PKR), Dr Muhammad Nur Manuty, berkata ia membuktikan Islam mementingkan keadilan semua tanpa mengira anutan.

"BiPPA mengalu-alukan langkah Kerajaan Selangor kepimpinan Dato' Menteri Besar yang menyerah kembali 351 Bible berbahasa Melayu dan Iban," katanya.

"Kontroversi itu tidak digembarkan lagi. Semua pihak disaran memanfaatkan pendekatan terbaik, berhik-

“

Cadangan dialog, perundingan dan perbincangan sebagai jalan penyelesaian terbaik dalam menangani konflik antara agama di negara ini

DR M NUR MANUTY
Pengerusi BiPPA PKR

mah dan bijaksana dalam meleraikan isu seperti ini pada masa depan," katanya.

Pada kenyataan media 17 November lalu, beliau mengumpama penyelesaian itu 'bagai menarik rambut dalam tepung, tepung jangan berselerak, ram-

but jangan putus'.

Beliau juga menyifatkan cadangan dialog, perundingan dan perbincangan sebagai jalan penyelesaian terbaik dalam menangani konflik antara agama di negara ini.



MCA jangan menanggung di air keruh

SHAH ALAM - Pemimpin MCA-BN patut berterima kasih kepada DYMM Sultan Selangor, Dato' Menteri Besar dan pihak yang menyelesaikan isu pemulangan Bible dengan baik.

Ahli Pimpinan Pusat (MPP) Parti Keadilan Rakyat (PKR), Zakaria Abdul Hamid, berkata mereka tidak patut menanggung di air keruh dengan menumpang publisiti.

"Pertikaian yang dibangkitkan MCA hanya usaha menumpang publisiti berkait isu berkenaan.

"MCA harus memandang ke depan dengan membantu meningkatkan kesedaran rakyat terhadap toleransi kaum dan agama.

"Bukannya menghasut rakyat mempertikai pihak yang patut dapat kredit penyelesaian isu

itu," katanya pada kenyataan media, 18 November lalu.

Zakaria berkata, rentak sumbang pimpinan MCA menjadi ukuran rakyat terhadap tahap kemampuan MCA dalam memimpin masyarakat.

"Hentikan menanggung di air keruh atau tumpang sekaki. Buktikan kepada rakyat MCA juga adalah agen perpaduan negara," katanya.

“

Pertikaian yang dibangkitkan MCA hanya usaha menumpang publisiti berkait isu berkenaan

ZAKARIA ABD HAMID
MPP PKR



UNISEL, KUIS dapat peruntukan besar

SHAH ALAM - Universiti Industri Selangor (Unisel) dan Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis) bakal mendapat peruntukan besar dalam Belanjawan Selangor 2015.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata antara teras utama ialah meletak peruntukan besar dalam aspek

pendidikan khususnya Unisel dan Kuis bagi mengangkat martabat umat Islam.

"Kita akan memastikan pembangunan dalam lensa lebih besar yang memberi penekanan aspek moral, kerohanian dan agama.

"Kita menyedari tiada pembangunan mapan tanpa kekuatan manusia dengan

agamanya. Tiada negara di dunia mampu membangun sejahtera jika ada konflik antara agama dan kaum," katanya.

Beliau berkata demikian pada perasmian Konvensyen Sekolah-Sekolah Agama Menengah Tahfiz Aliran Sains Kebangsaan di sini, 18 November lalu.

Belanjawan 2015 dijadual dibentangkan pada sidang Dewan Negeri Selangor antara 24 November hingga 5 Disember ini, buat pertama kali.

Mohamed Azmin juga dijangka membelanjakan rizab negeri RM3.3 bilion bagi tujuan pembangunan berbanding aspek pengurusan.

Pendidikan al-Quran & sains kembalikan kegemilangan Islam

Sekolah tahfiz sains lahirkan saintis Islam

SHAH ALAM - Penubuhan Sekolah Agama Menengah (SAM) Tahfiz Aliran Sains bakal melahirkan saintis dan teknokrat bercitra al-Quran.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata, ia dicapai hasil pendekatan hafazan sebagai asas utama dalam kurikulum yang disediakan.

Katanya, kurikulum itu menjadi asas kukuh bagi melahirkan generasi ilmuan sains tabi' dan teknologi berwibawa berkarya serta mencipta produk sains dan teknologi bernilai tinggi.

"Kecenderungan menghantar anak memasuki institusi hafazan al-Quran menepati tradisi ulama saintis dan teknokrat seperti Ibn Sina," katanya.

Mohamed Azmin berkata, SAM Tahfiz Aliran Sains perlu menjadi model unik dan unggul melalui pendekatan integrasi antara hafazan dan penguasaan cemerlang dalam sains serta teknologi.

“

Kecenderungan menghantar anak memasuki institusi hafazan al-Quran menepati tradisi ulama saintis dan teknokrat seperti Ibn Sina

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Katanya, Kaedah itu harus dipraktik sebagai persiapan bagi melahirkan generasi ulul al-bab yang berupaya membina tamadun Islam.

Beliau berkata, kepimpinan SAM Tahfiz Aliran Sains perlu lebih serius membudaya al-Quran termasuk hafazan dan kefahaman serta pembelajaran sains dan teknologi.



Dato' Menteri Besar bersalaman dengan kakitangan dan pengetua sekolah tahfiz aliran sains

OLEH **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Sistem pendidikan berteras al-Quran dan sains mampu mengembalikan zaman kegemilangan Islam, kata Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Beliau berkata pelajaran sains sebagai model pengintegrasian dengan al-Quran juga memantapkan

akidah guru dan pelajar.

Berharap kurikulum itu menjadi perhatian ramai, beliau yakin kegemilangan Islam berulang melalui penubuhan sekolah berteras Islam seperti Sekolah Agama Menengah Tahfiz Aliran Sains.

"Al-Quran dibuktikan oleh sejarah kerana membina tamadun dan peradaban kehidupan manusia. Saya percaya generasi itu membaca, menghafaz,

mengamal dan menghayati al-Quran," katanya.

Beliau berkata demikian pada Konvensyen Sekolah-sekolah Agama Menengah Tahfiz Aliran Sains Kebangsaan ke-5, 18 November lalu.

Seramai 154 guru tahfiz aliran sains dari seluruh negara menyertai konvensyen dua hari sehingga 20 November di Hotel Carlton Holiday & Suites di sini.

TOKOH ILMUAN ISLAM

Ibn Sina	Hafaz Al-Quran sejak berusia tujuh tahun Hafaz 5,000 hadis sahih Terkenal sebagai ahli perubatan melalui karya agung Qanun fi al-Tibb.
Al-Biruni	Menguasai ilmu perbandingan agama Hebat dalam ilmu geometri dan astronomi.
Ibn al-Haitam	Tokoh matametik
al-Khawarizmi	Terkenal dalam kajian ilmu kimia



MB: Lebih banyak rumah mampu milik dibina

OLEH LIZAWATI MADFA

HULU LANGAT - Kerajaan Selangor akan membina lebih banyak rumah mampu milik di negeri ini, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Katanya, skim pembinaan rumah rakyat diberi perhatian khas dalam Belanjawan Selangor 2015 yang bakal dibentang 24 November ini.

"Kita bukan sekadar lancar projek perumahan tetapi siapkan. Malah, anak syarikat Kerajaan Negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) beri subsidi sehingga RM12 juta.

"Ini berbeza dengan Kerajaan Pusat yang umum 80,000 rumah mampu milik tetapi

hingga kini tiada kerana kos tanah tinggi.

"Kita punya kelebihan tanah, kita akan bangunkan semula untuk rakyat Selangor," katanya.

Beliau berucap demikian pada Majlis Meraikan Pembeli

Pangsapuri Selangorku Idaman PKNS Damai Residensi di Seksyen 3 Tambahan, Bandar Baru Bangi di sini, 15 November lalu.

Mohamed Azmin juga mengingatkan pembeli menjaga unit rumah dan melunas

yuran penyelenggaraan demi memastikan aspek kebersihan dan keselamatan terjamin.

"Jangan dijual unit yang ditawarkan kerana bukan mudah dapat hartanah di kawasan strategik dengan harga istimewa," katanya.

PENDAPAT ORANG RAMAI

Tinjauan Selangor Kini menyaksikan ramai gembira dengan polisi perumahan Kerajaan Selangor yang mahu memperbanyak pembinaan rumah mampu milik.

Kita maklum, hartanah tidak akan jatuh nilainya. Makin lama makin tinggi. Jadi, Kerajaan Negeri banyak membantu terutama anak muda seperti saya. Kalau tiada usaha seperti ini, entah bila akan ada peluang?

Mohd Ashraf Abdul Saleem, 25, Perunding Hartanah



Kebanyakan projek adalah rumah banglo dengan harga jutaan ringgit. Jadi, yang kaya bertambah kaya dengan rumah mewah sedangkan orang seperti kami tidak terbela. Kerajaan Pusat harus kawal dan contohi Selangor.

Ismalizah Hamzah, 36, kakitangan swasta



Skim sewa milik bantu pembeli gagal pinjaman bank

SHAH ALAM - Skim sewa milik untuk pembeli rumah kos rendah yang gagal mendapat pinjaman bank bakal dilancar, kata Exco Perumahan, Pengurusan Dan Kehidupan Bandar, Iskandar Abdul Samad.

Menerusi skim itu, katanya, Kerajaan Selangor melalui Perumahan dan Hartanah Selangor Berhad (PHSB) akan membeli rumah kos rendah dan menyewakannya kepada pembeli.

"Selepas dua tahun menyewa, mereka boleh membuat pilihan untuk membeli rumah itu.

"Sebahagian sewa yang dibayar sepanjang tempoh itu akan ditolak dari harga rumah," katanya pada kenyataan media 18 November lalu.

Iskandar berkata, pembelian selepas dua tahun menyewa ialah melalui pinjaman bank tetapi jika belum mampu berbuat demikian, mereka boleh terus menyewa.

"Mereka juga boleh menyewa sehingga bayaran sewa dapat menampung keseluruhan harga rumah," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri memperuntuk RM10 juta untuk fasa pertama skim itu dan pelancarannya bakal dibuat Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali 24 November ini.

Program ini yang dinamakan Dana Sel itu terkandung dalam Manifesto Pakatan Rakyat Selangor bagi Pilihan Raya Umum ke-13.

Ia bertujuan mewujudkan skim pinjaman perumahan Kerajaan Negeri dan memperbanyak jumlah rumah sewa demi membantu rakyat.

PKNS pastikan rakyat ada kediaman

SHAH ALAM - PKNS menyambut baik inisiatif memperkenalkan Skim Dana Sel bagi memberi peluang kepada golongan peneroka bandar memiliki rumah.

Pengurus Besarinya, Azlan Md Ali-fiah berkata, PKNS akan memberi komitmen terbaik bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Selangor.

"PKNS dipertanggungjawab untuk menyediakan rumah yang mampu dimiliki rakyat. Kami beriltizam untuk menjadi pemaju perumahan kepada rakyat," katanya kepada Selangor Kini.

GIGIH... Sekalipun ada pihak tertentu mempersenda kesungguhan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali turun padang, beliau tetap 'terjun' longkang. Berbaju batik Jawa dan berbekal but kuning, Mohamed Azmin menyodok kotoran longkang dalam program Gerak Gempur Aedes 16 September lalu. Pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Pertadbiran Kerajaan Selangor 2014 sehari kemudian, beliau tidak kekok mencuba peralatan mesin jahit. Minggu lalu, satu notis dikeluarkan kepada semua jabatan dan agensi berkaitan bagi menguat kuasa larangan pemberian cendermata kepada Mohamed Azmin. Surat pekeliling bertarikh 13 November itu dikeluarkan Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi



Belia Tani tarik anak muda

BANTING - Program Belia Tani antara usaha Kerajaan Selangor menarik anak muda tempatan terbabit dalam sektor pertanian secara serius.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, ia dalam perancangan bagi memastikan peserta memperoleh pendapatan lumayan.

"Sudah tiba masanya, kita ubah persepsi lapuk masyarakat yang berpandangan sektor pertanian hanya untuk golongan berusia," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Jelajah Tani di DUN Tanjung Sepat di Padang Sungai Kelambu di sini, 16 November lalu.

Zaidy juga sudah mengenal pasti beberapa tapak pertanian untuk diusahakan belia melalui program itu.

"Antaranya ialah Selangor Fruits Valley. Belia yang berminat akan ditawarkan tapak seluas dua hektar untuk diusahakan.

"Buat masa ini, belia yang berminat boleh rujuk ke pejabat saya dengan membawa kertas kerja untuk dipertimbangkan," katanya.

Isu tapak haiwan ruminan dibincang

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Persatuan Penternak Ruminan Negeri Selangor (PPRNS) mengalu-alukan rancangan Kerajaan Selangor menyediakan tapak kepada penternak yang terpaksa berpindah ekoran desakan pembangunan.

Pengerusinya, Samad Kassim berharap nasib penternak dan kandang mereka yang dirobah kini terbela sekalipun isu itu berlarutan dari zaman pentadbiran BN.

"Terima kasih Dato' Menteri Besar. Kita berharap pertemuan antara PPRNS dan Dato' Menteri Besar serta Exco, Zaidy Abdul Talib dibuat dalam tempoh terdekat.

"Semoga masalah dihadapi penternak di negeri ini sejak sekian lama diatasi dalam situasi menang-menang," katanya.

Lebih 1,300 penternak haiwan ruminan (lembu, kerbau dan kambing) dihimpit pembangunan dan masalah tanah terhad di Selangor, malah sebi-

lawan mereka gulung tikar.

Samad berkata, kebanyakan penternak terpaksa berpindah ekoran pembangunan di kawasan berhampiran.

"Dalam dua minggu sahaja, dua kandang penternak dirobah di belakang pasar borong di kawasan perindustrian Puchong," katanya.

Sebelum ini, Mohamed Azmin berkata Kerajaan Selangor sedia membantu penternak dengan menyediakan tapak sesuai apabila penyelesaian bersama dicapai.

Status tanah PAWS dibincang

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali akan berbincang bersama Pejabat Tanah dan Daerah Petaling bagi mencari penyelesaian terbaik berhubung status tanah yang diduduki Pusat Kebajikan Haiwan (PAWS).

Katanya, pertemuan khas bersama Pejabat Tanah dan Daerah Petaling akan dilakukan dan turut melibatkan Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong dan PAWS sendiri.

"Kita perlu berbincang dengan pihak berkuasa. Buat masa ini, berikan kami (Kerajaan Negeri) peluang untuk berbincang dan mencari jalan penyelesaian," katanya.

Pengurus PAWS, Edward Lim pula terkejut apabila menerima notis kesalahan pendudukan secara tidak sah daripada Bahagian Tanah Daerah Petaling dan diarah berpindah 10 November lalu.

Katanya, PAWS menduduki tanah itu sejak 28 tahun lalu dan pihaknya belum pasti sama ada ia berkenaan hak

milik kerajaan atau sebaliknya.

"Dua tahun lalu, kami ada perbincangan dengan Sime Darby. Mereka mahu ambil semula tanah dan kami beritahu tiada tanah untuk pindah.

"Sime Darby beritahu mereka cuba untuk mencari tanah dari kerajaan tetapi sehingga hari ini tiada makluman," katanya kepada Selangor Kini.

Dianggar, 280 kucing dan 260 anjing ditempatkan di Pusat Penjagaan PAWS.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
21 - 28 NOVEMBER 2014							
28 MUHARAM - 5 SAFAR 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
21 Jumaat	5:31	5:41	7:02	1:02	4:24	6:59	8:12
22 Sabtu	5:31	5:41	7:02	1:02	4:24	6:59	8:12
23 Ahad	5:31	5:41	7:02	1:02	4:25	6:59	8:13
24 Isnin	5:32	5:42	7:03	1:03	4:25	7:00	8:13
25 Selasa	5:32	5:42	7:03	1:03	4:25	7:00	8:13
26 Rabu	5:32	5:42	7:03	1:03	4:26	7:00	8:14
27 Khamis	5:32	5:42	7:04	1:04	4:26	7:00	8:14
28 Jumaat	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:14
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
21 Jumaat	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:14
22 Sabtu	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:14
23 Ahad	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:15
24 Isnin	5:34	5:44	7:05	1:05	4:27	7:01	8:15
25 Selasa	5:34	5:44	7:05	1:05	4:27	7:02	8:15
26 Rabu	5:34	5:44	7:05	1:05	4:27	7:02	8:16
27 Khamis	5:34	5:44	7:06	1:06	4:28	7:02	8:16
28 Jumaat	5:34	5:44	7:06	1:06	4:28	7:02	8:16

Suee Lim mahu terus dedah penyelewengan

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Penarikan saman fitnah Dr Mohamad Khir Toyo terhadap Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berkaitan rumah agam di sini, menunjukkan pendedahan itu beras, bukannya fitnah.

Menyifatkannya sebagai kemenangan moral, Suee Lim bertekad

terus mendedahkan salah laku dan salah guna kuasa di kalangan pemimpin Umno-BN.

"Rakyat berhak tahu bagaimana beliau dapat kewangan untuk membina banglo atas dua lot tanah.

"Saya akan terus pantau, dedahkan penyelewengan pemimpin Umno termasuk salah laku atau salah guna kuasa," katanya kepada Selangor Kini.

"Susulan daripada pendedahan saya pada 2009, selang setahun kemudian Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil tindakan untuk mensabitkan isu yang berkenaan dan menjatuhkan hukuman.

"Dari peringkat Mahkamah Rayuan, kes ini akan dibawa ke peringkat Mahkamah Persekutuan," katanya.

Exco tunggu laporan petugas kaunter JKM kasar

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan meneliti laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor berhubung dakwaan layanan kasar terhadap seorang pelanggan di kaunter Hulu Langat.

Hal itu disahkan pegawai media Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Dr Daroyah Alwi supaya tindakan dan ulasan adil dibuat.

Cubaan Selangor Kini memperoleh reaksi Pengarah JKM Selangor, Nik Omar Nik Abdul Rahman sehingga kini gagal.

Layanan buruk itu dibangkitkan seorang pelanggan yang datang membantu neneknya untuk mendapatkan bantuan JKM sebelum memuat naik kejadian itu di Facebook.

Beliau turut mengambil gambar petugas terbabit beserta kenyataan:

"Aku penjawat awam juga tapi belum pernah layan orang awam macam tu dan sepatutnya kau kerja JKM, namanya pun Jabatan Kebajikan Masyarakat, tak suka tolong orang, baik kau pergi kerja Jabatan Perhilitan aje," tulisnya.

Ia mendapat reaksi spontan ribuan pengguna facebook lain yang marah kepada kakitangan terbabit.

Paling menarik, seorang individu yang mengaku bekerja di Jabatan Perhilitan menulis: "Kami di Jabatan Perhilitan tidak memerlukan kakitangan seperti ini. Sekian."

Bagaimanapun, kakitangan awam lain turut menjadi mangsa cemuan ekoran pelbagai persepsi negatif dengan menuduh mereka mengamalkan budaya 'hujung bulan tetap dapat gaji'.

APA KES?

Banglo: Khir Toyo tarik balik saman

SHAH ALAM - Bekas Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo menarik balik saman fitnah RM10 juta yang difailkannya terhadap Adun Sekinchan, Ng Suee Lim.

Ia berhubung pendedahan

Suee Lim terhadap skandal membabitkan rumah agam di sini.

Peguam Dr Khir, M Athimulam pada 13 November lalu memaklumkan Suruhanjaya Kehakiman, Datuk Azimah Omar mengenai arahan anak guamnya.

Memetik The Malaysian Insider, Athimulan juga memohon tiada kos yang perlu dibayar Suee Lim.

Peguam, M Manoharan yang mewakili Suee Lim, tidak membantah dan hakim membatalkan tuntutan saman itu tanpa perintah kos.

ADUN Permatang minta kebenaran permohonan TOL

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor diminta memberi semula kebenaran untuk permohonan lesen pendudukan sementara (TOL) berikutan kebimbangan rakyat mengenai status tanah yang mereka duduki.

Adun Permatang, Sulaiman Abdul Razak, berkata penduduk beberapa kampung buntu berhubung status tanah selepas Kerajaan Negeri membuat polisi membebankan permohonan TOL.

"Banyak tanah TOL tidak dapat pemilikan sebab kebanyakan mereka tinggal di kawasan yang dulunya diberi TOL. Apabila Pakatan Rakyat memerintah, TOL tidak boleh diperbaharui," katanya kepada Selangor Kini.

Katanya, antara kampung terbabit ialah Kampung Permatang, Kampung Sungai Yu, Kampung Raja Musa dan Kampung Baru Pasir Penambang.

Pada 26 November 2013, be-

kas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan TOL sehingga kegunaan tanah itu dimanfaatkan sepenuhnya.

Hal itu kerana pemberian TOL tanpa perancangan betul menyukarkan Kerajaan Negeri menggunakan tanah itu bagi pelebaran jalan dan pembinaan parit.

Mengulas hal itu, Penyelaras DUN Permatang, Yahya Sahri yang merujuk Pejabat Tanah dan Galian (PTG) mendapati ada keputusan baru yang diputuskan pentadbiran lama.

Bagaimanapun, beliau berkata, arahan berkaitan hal itu belum dikeluarkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah.

"Memang ada keputusan Exco tetapi arahan daripada PTG belum sampai kepada Pejabat Daerah. Maknanya, belum ada keputusan

pemberian TOL," katanya.

Beliau berharap pentadbiran baharu kepimpinan Dato? Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dapat memberi kebenaran permohonan TOL bagi memudahkan penduduk.



Sulaiman Abd Razak



Yahya Sahri



SIMPATI... Adun Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi, turun padang meninjau banjir kilat di sekitar Pasir Panjang dan memantau kerja-kerja pembersihan oleh Jabatan Parit dan Saliran (JPS) di kawasan utama



▲ Hari Kecemerlangan Pelajar SRA Ehyaul Falah, Sungai Besar. Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, meraikan seramai 38 orang pelajar yang berjaya mendapat keputusan muntaz dalam PSRA 2014



▲ Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, bersama penari yang mengambil bahagian sempena Hari Deepavali 2014 anjuran PeBT MDHS di Kuala Kubu Bharu



▲ Adun Tanjung Sepat, Haslin Hassan menanam pokok sempena Kempen Tanam Pokok Bersama Warga MDKL, Persatuan Sukan Layar Selangor, Persatuan Rakan Prihatin Tanjung Sepat, Penghulu Mukim Batu & JKKK Pantai Batu Laut



▲ Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib bersama memeriahkan program 'Lets Tour De Library' di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Daerah Gombak, Bandar Baru Selayang. Para peserta terdiri daripada murid-murid tadika sekitar Selayang dan murid-murid sekolah rendah

Pengeluar kongsi pengalaman agihan zakat

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Program Jelajah Kasih Bersama Asnaf anjuran Lembaga Zakat Selangor (LZS) membawa lapan pengeluar zakat dari syarikat korporat bagi berkongsi pengalaman agihan zakat di seluruh negeri.

Ia ialah Glomac Berhad, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Agro Bank Berhad, Altel Communication Sdn Bhd, MyEG Services Berhad, Worldwide Holding Berhad, Kumpulan Perangsang Selangor dan Pertubuhan

Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Ia bertujuan memberi pendedahan aktiviti agihan kepada pengeluar zakat, selain memperoleh maklum balas terhadap keberkesanan agihan zakat.

"Selain mendekati pengeluar zakat dengan asnaf, mereka juga melihat realiti kehidupan harian dengan meninjau perniagaan asnaf melalui modal dari LZS," kata kenyataan media LZS 13 November lalu.

Antaranya, Zolkifli Mat Desa yang menjalankan perniagaan soya, Ramlan Mohamad (roti) dan Nazri Abdullah (cili giling).



"Mereka juga dibawa ke Kompleks Baitul Hasanah, asrama anak-anak asnaf fakir dan miskin dan Pusat Jagaan Warga Emas Zakat Selangor yang dibangunkan hasil manfaat zakat," kata kenyataan itu.

Ia turut disertai Ahli Jawatankuasa Operasi Agihan LZS, Datuk Ibrahim Md Yusoff dan Pengurus Besar Kutipan, Roszy Non.

Lantik jurutera kontrak elak bumbung masjid rosak

SHAH ALAM - Tiada kepakaran kejuruteraan di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi urusan baik pulih dan pengauditan masjid antara punca menyebabkan kebanyakan ia kurang diselenggara.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dr Ahmad Yunus Hairi (**gambar**), berkata Kerajaan Negeri bercadang melantik jurutera secara kontrak.



Bercakap kepada Selangor Kini 15 November lalu, beliau berkata, lantikan itu dijangka dapat memastikan proses

baik pulih dilakukan dengan mengambil kira semua faktor.

"Saya akan bincang dengan pengarah dan bahagian terbabit untuk mengatasi masalah ini," katanya, menambah bilangan masjid di Selangor jauh lebih banyak berbanding negeri lain.

Selain itu, Dr Ahmad Yunus, berkata keupayaan JAIS sebagai agensi pelaksana terbatas kerana perlu menguruskan pelbagai projek sedia ada.

"Kita perlu bantuan Jaba-

tan Kerja Raya (JKR) untuk selesaikan masalah," katanya merujuk kegagalan jabatan itu membuat pengesanan kerana kekurangan kakitangan.

Laporan Ketua Audit Negara sebelum ini mendapati masalah bumbung adalah bentuk kerosakan tertinggi pada sekurang-kurangnya enam masjid kelolaan JAIS.

Malah, laporan itu turut mendedahkan tujuh bentuk kerosakan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang belum dibaiki.

658 kes denggi di Kuala Langat

SEBANYAK 658 kes demam denggi dilaporkan di Kuala Langat sejak Januari 2014 sehingga minggu ke-45 bersamaan 8 November lalu.

Walaupun tiada kematian akibat denggi, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali, berkata sebanyak 36 lokaliti wabak diisytihar setakat ini.

Beliau berkata, antara lokaliti tertinggi ialah Taman Aman, Taman Setia Jaya, Taman Seri Putra, Taman Yayasan, Taman Indah Jaya dan Taman Cempaka.

Aktiviti seni di pantai Morib

MAJLIS Daerah Kuala Langat (MDKL) menganjurkan program Lambaian Seni Morib pada setiap Sabtu sepanjang November ini, kata Yang Dipertuanya, Mohd Azhar Mohamed Ali.

Pelbagai aktiviti seni bermula jam 5 petang hingga 10 malam, diatur seperti persembahan 'busking' pada 15 November, keroncong (22 November), lagu dan puisi (29 November).

Persembahan teater sebagai pembuka program pada 8 November lalu ternyata menarik perhatian pengunjung setempat dan luar daerah.

"Penganjuran itu bertujuan mengetengah seni dan budaya kepada masyarakat setempat dan mengembangkannya kreativiti penggiat seni budaya.



SAKIT... Adun Meru Dr Rani Osman memeriksa kaki Manap Abdul Rahman yang bengkak dan memberi rawatan percuma. Dalam lawatan tersebut beliau turut berkunjung ke rumah warga emas di DUN Meru



NOTIS PEMBERITAHUAN TENTANG DRAF RANCANGAN TEMPATAN UNTUK PEMERIKSAAN AWAM

DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (PENGUBAHAN 2) 2020
- PINDAAN SEBAHAGIAN ZON GUNA TANAH BAGI BPK 1.1, 1.2, BP 2, BPK 3.1, BPK 4.1, 4.2, BPK 5.1, 5.2, 5.3 DAN BPK 7.1, 7.2, 7.3 DALAM RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (PENGUBAHAN 1) 2020.
(LANJUTAN TEMPOH PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM)

Menurut Subseksyen 13(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), dengan ini diberitahu bahawa salinan Draf Rancangan Tempatan tersebut di atas tersedia untuk diperiksa daripada **12 November 2014 hingga 24 Disember 2014** pada hari bekerja di tempat seperti berikut:

TEMPAT	TARIKH	MASA
Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	12 November 2014 - 24 Disember 2014	9.00pagi-4.00 petang

Bantahan atau cadangan berkenaan dengan Draf Rancangan Tempatan tersebut boleh dikemukakan dengan menggunakan borang bantahan awam yang disediakan, surat ataupun memorandum **sebelum atau pada 24 Disember 2014**. Borang bantahan awam, surat ataupun memorandum itu hendaklah dialamatkan kepada:

YANG DIPERTUA
Majlis Perbandaran Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p : Pengarah Perancang Bandar)

Tel : 03 8026 3131 / 03 8026 4424 Faks : 03 5637 6585 / 03 8024 0829 E-mel : mpsj@mps.gov.my Web : www.mps.gov.my

OLEH NAEEM RAFFI

Budaya perbincangan dan keterbukaan melontar pandangan kritis terhadap kerja sastera harus dihidupkan kembali demi kelangsungan lanskap kesusasteraan negara.

Ini kerana, kerja sastera wajar diuji sebelum dipuji.

Untuk itu, peranan pengkritik ditagih untuk mengimbangi cara pandang penulis sekaligus mengembangkan pemahaman mengenai sastera dan latarnya.

Itu pandangan yang dilontar penerbit Obscura, Hafiz Hamzah selaku panelis acara bedah buku 'Dialog Dengan Sasterawan' karya Kassim Ahmad anjuran Buku Jalanan Shah Alam di Taman Tasik Shah Alam, baru-baru ini.

"Hari ini terlampau ramai orang yang mengelar dirinya penulis, novalis dan penyair tanpa memahami apa sebenarnya kerja sastera," katanya.

Itu sebabnya beliau menerbitkan semula karya itu bagi menghidupkan semula budaya kritikan di kalangan penggiat atau peminat kesusasteraan negara.

Buku itu pertama kali terbit pada 1977 yang menghimpunkan koleksi 22 esei antara 1950-an hingga 1970-an.

Kassim Ahmad antara sosok penggiat sastera yang sinonim sebagai pengkritik dalam menganalisis pelbagai karya sastera sejak 1960-an.

"Saya terbitkan kerana Kassim Ahmad menunjukkan usaha, tenaga dan fokusnya terhadap perkembangan kesusasteraan ketika itu.

"Semangat itu yang patut dibawa semula hari ini tetapi dengan rangka pandangan



Wan Hamidi (kiri) dan Hafiz Hamzah (kanan), selaku panelis acara bedah buku 'Dialog Dengan Sasterawan' karya Kassim Ahmad

yang baru agar lanskap kesusasteraan kita tidak terus lesu," katanya.

Buku itu wajar dilihat sebagai peluang bagi anak muda, dipandang sebagai tanggapan alternatif dalam mengupas sebuah karya.

Penggiat seni, Aedi Asri pula berpandangan peredaran masa membuatkan budaya kritik dalam lanskap kesusasteraan berubah sifat kepada budaya puji-memuji semata-mata.

Ia sekaligus menjadi 'mass culture' yang terus diamalkan. Biar pun tidak salah, namun ia

memberi kesan ke atas lanskap kesusasteraan.

"Lihat Facebook dan Twitter hari ini, mass culture berlaku sesama penulis 'aku puji karya kau, kau puji karya aku'. Kadang kala, agak hairan mengapa sebuah karya biasa, dipuji melambung.

"Begitu juga reaksi pembaca yang memuji penulis tentang karyanya kemudian pujian itu disebar untuk promosi," katanya.

Kritikan sesama penulis seperti antara Kassim Ahmad dan Shannon Ahmad satu ketika dahulu seakan-akan sukar dibudayakan hari ini.

"Mungkinkah kerana 'scene' itu kecil membuatkan pengamal sastera kerap bertemu dan masing-masing memilih untuk menjaga hati," katanya.

Penasihat Rokatini, Wan Hamidi Hamid tidak menolak hakikat itu tetapi berpandangan 'mass culture' terbentuk secara semula jadi dan ia bu-



Lihat Facebook dan Twitter hari ini, mass culture berlaku sesama penulis 'aku puji karya kau, kau puji karya aku'. Kadang kala, agak hairan mengapa sebuah karya biasa, dipuji melambung.

kan masalah besar.

"Ia berlaku secara fitrah. Malah jika kita terlalu melawan, masalah akan timbul kerana secara automatik kita akan meletak diri sendiri di tempat yang tinggi tanpa kita sedari.

"Sebaliknya, Kassim Ahmad menggunakan pendekatan

ideologinya melawan (kritik) iaitu buku dilawan dengan buku.

"Buku 'Pelacur Kelas Pertama' karya Melati Rahim, misalnya pasti akan dikritik Kassim menerusi buku 'Pesimisme Sepanjang Jalan,'" katanya merujuk novel Ranjau Sepanjang Jalan.

SELANGOR KINI

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafiz Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

PEMBAHTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu_tvs@yahoo.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com

Kirim cerpen dan puisi kepada seniselangor@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang



Perpustakaan bergerak buruk, tiada peruntukan



Sumber internet, gambar hiasan

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) akan mengaktif kembali perpustakaan bergerak berikutan permintaan tinggi terhadap perkhidmatan itu.

Pengarahnya, Mastura Muhamad, berkata PPAS mahu meneruskan perkhidmatan itu bersesuaian dengan usaha Kerajaan Selangor yang mementingkan pendidikan kepada masyarakat.

"Permintaan amat tinggi walaupun kita banyak perpustakaan desa tetapi pelbagai pihak tetap perlukan perkhidmatan itu.

"Bagaimanapun, kita tiada peruntukan spesifik," katanya yang merancang bertemu Exco Pendidikan, Nik Nazmi



Mastura Muhamad

Nik Ahmad berhubung masalah itu.

Katanya, perkhidmatan itu menjangkau antara 15 hingga 20 tahun tetapi keadaannya tidak memuaskan sedangkan proses membaik pulih memabatkan kos tinggi.

"Yang kita ada sudah agak buruk. Untuk cat semula, sebut harga yang kita diterima melebihi RM20,000," kepada Selangor Kini.

Mastura berkata, perpustakaan bergerak akan memberi lebih pilihan kepada masyarakat di Selangor.

Pada masa ini, katanya, perkhidmatan itu hanya ada di sekitar Banting, Sabak Bernam dan Kuala Kubu Bharu.

PENDAPAT ORANG RAMAI

Orang ramai menganggap cadangan PPAS untuk mengaktifkan kembali perpustakaan bergerak tepat pada masanya bagi melahirkan masyarakat membaca. Tinjauan SelangorKini mendapati ramai berpandangan peranan perpustakaan itu mampu menanam minat membaca dan perlu diperluas.

Perpustakaan bergerak pada masa dulu aktif dan bagus, ramai gunakan perkhidmatan itu terutama di desa. Bersesuaian peredaran masa, perkhidmatannya perlu diperluas dan tidak hanya di luar bandar. Ia perlu fokus kepada penempatan padat di bandar kerana ramai memerlukan perkhidmatan itu.

Kahpi Ngiso
Penolong Pengarah Kanan, Unit Pembangunan Kemanusiaan, Jais



Ia menanam minat membaca di kalangan masyarakat terutama anak muda dan pelajar. Ia penting bagi masyarakat luar bandar. Saya harap, perkhidmatannya lebih aktif dengan lebih kerap ke kawasan supaya kemudahan itu dikembalikan kepada rakyat.

Najamuddin Mohd Nor, 34

Ia mesti memberi banyak kemudahan termasuk menyediakan koleksi buku baru dan terkini yang menepati cita rasa umum terutama anak muda. Tujuannya menggalakkan orang membaca. Tempoh pinjaman juga mungkin boleh dipanjangkan daripada biasa.

Alyannur Azizan,
18, mahasiswa Unisel



KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang Memanggil tender	Tajuk Projek (Pembinaan)**	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PERMUKAAN JALAN YANG TELAH ROSAK SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI DALAM SELANGOR (ZON 1) JKR/SEL/ (N)042(T)/2014	Bumiputra T1	CIDB Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan: CE01 & CE21 Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. Tarikh Dokumen Dijual: 18/11//2014 (Selasa) Sehingga 01/12/2014 (Isnin)	RM650.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 09/12/2014 (Selasa) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Lawatan Tapak : Digalakkan. Sebarang Pertanyaan Hubungi: Bahagian Jalan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: .03-55447703

KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang Memanggil tender	Tajuk Projek (Pembinaan)**	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PERMUKAAN JALAN YANG TELAH ROSAK SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI DALAM SELANGOR (ZON 2) JKR/SEL/ (N)043(T)/2014	Bumiputra T1	CIDB Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan: CE01 & CE21 Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. Tarikh Dokumen Dijual: 18/11//2014 (Selasa) Sehingga 01/12/2014 (Isnin)	RM660.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 10/12/2014 (Rabu) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Lawatan Tapak : Digalakkan. Sebarang Pertanyaan Hubungi: Bahagian Jalan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: .03-55447703

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

*Jenis Syarikat - T1 Syarikat 100% milik tempatan
Tempatan: - A1 Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 10% warganegara.
- A2 Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

MPSJ, MBSA terima anugerah antarabangsa

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menerima Anugerah Emas di International Green Apple Awards For Environmental Best Practice 2014 melalui projek My Biomass Way.

Majlis penganugerahan di The House of Parliament, London, United Kingdom 10 November lalu dihadiri Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Abdullah Marjunid.

"Ia hasil Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030 yang menjadikan perbandaran mesra alam, teratur dan selesa serta menjadi bandar paling hijau di Malaysia," kata kenyataan media 13 November lalu.

Selain MPSJ, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) turut menerima kategori 'Best Environment Practice'.

Anugerah itu bertujuan menggalak dan mengiktiraf amalan

“

Ia hasil Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030 yang menjadikan perbandaran mesra alam, teratur dan selesa serta menjadi bandar paling hijau di Malaysia

ABDULLAH MARJUNID
Timbalan Yang Dipertua MPSJ

menjaga alam sekitar sesebuah pertubuhan, organisasi, badan bukan kerajaan (NGO), swasta dan kerajaan dari seluruh dunia.

Rakyat yakin Pulau Ketam bakal jadi destinasi pelancongan



OLEH LIZAWATI MADFA

PELABUHAN KLANG - Masyarakat menyokong penuh usaha Kerajaan Selangor membangunkan Pulau Ketam sebagai tarikan pelancongan di negeri ini.

Rata-rata berharap Pulau Ketam mampu menjadi destinasi pelancongan melalui inisiatif yang diumumkan Kera-

jaan Negeri.

Bagi Mohd Amirul Ismail, 22 (**gambar**), Kerajaan Negeri perlu fokus soal kebersihan pulau jika mahu menarik lebih ramai pelancong.

"Kalau pulau bersih, orang luar pasti suka berkunjung kerana selesa dan dapat menikmati alam semula jadi.

"Tarikan sudah ada, cuma haruslah dijaga kebersihannya. Begitu

juga kemudahan sedia ada," katanya kepada Selangor Kini.

Aidawati Muhamad, 19, pula berpendapat Kerajaan Negeri harus menguat kuasa undang-undang lebih ketat bagi menjaga kelestarian Pulau Ketam.

"Contoh, denda atau hukuman lebih berat bagi

pencemar persekitaran Pulau Ketam. Kawal juga pembangunan kerana pembangunan yang terlampau mampu merosakkan alam sekitar.

"Contohnya, Cameron Highlands. Tidak seronok lagi berkunjung ke sana, janganlah Pulau Ketam atau tempat pelancongan di Selangor terima nasib sama," katanya.

Pada 17 Oktober lalu, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menugaskan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dan Worldwide Holding Berhad (Worldwide) untuk mengurus masalah pencemaran sampah di Pulau Ketam.

Apabila masalah itu diatasi, beliau yakin industri pelancongan dapat ditingkat berikutan kehadiran ramai pelancong pada hujung minggu.



d'pandan business square
@ Pandan Indah

Kedai Pejabat 5 Tingkat

Unit Bumiputra Terhad Untuk Jualan

- Fasad kedai selebar 25 kaki dan 28 kaki
- Koridor selebar 8 kaki
- Kedai pejabat dilengkapi dengan 7 lif
- Menara kedai pejabat dan tempat letak kereta bersambung bagi kemudahan akses ke setiap tingkat
- 7 tingkat tempat letak kereta (385 unit) dengan berkawalan keselamatan

Keringat Housing Development Sdn Bhd (231691-M)
(A member of KERINGAT GROUP OF COMPANIES)
Wisma Keringat 1, No. 18, Lorong Batu Caves 1, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-8066 7188 E-mel: sales@keringat.com.my

Untuk Maklumat lanjut, sila hubungi
03-8066 7188

36 lokaliti denggi di Kuala Langat

BANTING - Sebanyak 36 lokaliti wabak denggi diisytihar di Kuala Langat sepanjang tahun ini dengan 13 kes dilapor di Taman Delima.

Antara kawasan lokaliti tertinggi ialah Taman Aman, Taman Setia Jaya, Taman Seri Putra, Taman Yayasan, Taman Indah Jaya dan Taman Cempaka.

Yang DiPertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali, berkata usaha giat diteruskan di enam kawasan yang dipilih Pejabat Kesihatan Daerah.

"Kita edar risalah berkenaan nyamuk Aedes dan pemusnah

jentik-jentik," katanya ketika pelancaran operasi "Terjah dan Musnah Aedes" peringkat daerah di Taman Delima di sini,

Statistik menunjukkan 658 kes demam denggi dilapor di Kuala Langat sejak Januari 2014 sehingga minggu epid ke-45 berakhir 8 November lalu.

Katanya, nasihat turut diberi supaya mereka lebih bertanggungjawab dalam memelihara kebersihan.

Beliau berkata, tanggungjawab mencegah denggi bukan hanya terletak kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau MDKL sahaja.

SUNWAY
eastwood
@ Puchong South

Milikilah Kediaman Idaman Anda Hari Ini!


UNIT BUMIPUTRA SAHAJA

Berdekatan persimpangan **MEX** (sedang dibina)

RUMAH BERKEMBAR & SUPERLINK



Impresi Artis

www.sunwayproperty.com/eastwood  **1800 222 988**

Sunway Eastwood Sdn Bhd (795327-T)
Lobby Level, Menara Sunway,
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway,
47500 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03-5639 9000

Sales Gallery :
Sunway Eastwood Clubhouse,
Jalan Equine 3, Taman Equine,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
Tel: 03-8958 1777



 Sunway Property
 Sunway Property



• Developer: Sunway Eastwood Sdn Bhd • Lobby Level, Menara Sunway, Jalan Lagoon Timur, 47500 Bandar Sunway, Selangor DE • Developer's License No.: 11718-1/12-2014/01433(L) • Validity Period: 21/12/2013-20/12/2014 • Advertising & Sales Permit: 11718-1/12-2014/11433(P) • Validity Period: 21/12/13 - 20/12/14 • Tenure of Land: Leasehold 99 years (Expiring on 25 June 2112) • Land Encumbrances: Alliance Bank Malaysia Berhad • Restriction in Interest: The land shall not be transferred, leased or charged without prior approval by the State Authority. Phase 1 (Semi-D & Bungalow) • Building Plan Reference No.: MPSJ/BGN/KW/C-9/58 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: December 2014 • Semi-D (Type A), 5 units, Price: RM2,463,000 (min) - RM3,153,000 (max) • Semi-D (Type B), 12 units, Price: RM2,356,000 (min) - RM2,954,000 (max) • Semi-D (Type C), 7 units, Price: RM2,300,000 (min) - RM2,880,000 (max) • Semi-D (Type D), 13 units, Price: RM2,143,000 (min) - RM2,823,000 (max) • Bungalow, 2 units, Price: RM4,509,000 (min) - RM4,736,000 (max) • Phase 1C (Semi-D) • Building Plan Reference No.: MPSJ/BGN/KW/C-9/58 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: August 2017 • Semi-D (Type E), 12 units, Price: RM2,463,000 (min) - RM2,954,000 (max) • Semi-D (Type F), 18 units, Price: RM2,143,000 (min) - RM2,880,000 (max) • Phase 3 (Park Villa) • Building Plan Reference No.: MPSJ/BGN/600-1/10/4 (BP6-5) • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: February 2017 • Park Villa (Type A): 25 units, RM1,430,000 (min) - RM1,896,000 (max); Park Villa (Type B): 36 unit, RM1,495,000 (min) - RM1,832,000 (max); Park Villa (Type C): 5 units, RM1,273,000 (min) - RM1,681,000 (max) • Bumiputra discount of 7% • The information contained herein is subject to change without notification as may be required by relevant authorities or the developer's consultant and cannot form part of an offer or contract. Actual built-up of units may vary slightly from measurements given. Whilst every care is taken in providing this information, the owner, developer, managers cannot be held liable for variations. All illustrations and pictures are artist's impressions only. The items are subject to variations, modifications and substitutions as may be recommended by the Company's consultants and/or relevant Approving Authorities.

40 YEARS
A PART OF YOU

SUNWAY™

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Seramai 30 peserta menyertai Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak (KIPK) yang mendedahkan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak secara terbaik

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata pengasuh dapat meningkatkan kualiti asuhan terhadap kanak-kanak.

Katanya, ia juga membantu pengasuh memperoleh lesen pendaftaran sah, sekaligus melaksanakan pemutihan tasaka dan pusat jagaan kanak-kanak yang beroperasi secara tidak sah.

Beliau berkata, latihan menyentuh dasar perkembangan, pemakanan dan kebersihan kanak-kanak termasuk kawalan keselamatan dan pengurusan pentadbiran serta kewangan.

"Pengasuh dikumpul dan dibekal dengan ilmu berguna supaya dapat diaplikasi semasa menjalankan tugas.

"Mereka berpeluang bertukar-tukar fikiran demi memberi perkhidmatan terbaik kepada anak-anak," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutup Kursus Intensif Asuhan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak di Intekma Resort Shah Alam, 17 November lalu.

Tingkat kualiti penjagaan kanak-kanak



Dr Daroyah beramah mesra dengan kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan mewarna

Beliau turut memaklumkan program yang memberi manfaat, antaranya Tabung Warisan Anak Selangor (Ta-

was), Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar) dan Skim Bantuan Tadika Negeri Selangor (Tunas).

“

Pengasuh dikumpul dan dibekal dengan ilmu berguna supaya dapat diaplikasi semasa menjalankan tugas. Mereka berpeluang bertukar-tukar fikiran demi memberi perkhidmatan terbaik kepada anak-anak

DR DAROYAH ALWI

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga

Semua empangan lepasi paras air 50 peratus

SHAH ALAM - Mengikut laman sesawang Lembaga Urus Air Selangor (Luas) jam 8 pada 18 November lalu, semua empangan di Selangor mencatat paras air dengan melepasi kadar 50 peratus.

Ia termasuk Empangan Sungai Selangor yang membekal air ke Kuala Lumpur,

Putrajaya dan Selangor iaitu pada paras 54.77 peratus.

Empat bulan lalu, empangan itu mencatat penurunan hingga tahap kritikal, mengakibatkan penjadualan air dibuat.

Kadar hujan tinggi mutakhir ini membantu peningkatan paras air di empangan.

Paras air empangan di Selangor meningkat

Empangan Sungai Selangor	54.77 peratus
Empangan Batu	94.75 peratus
Empangan Klang Gate	97.73 peratus
Kolam Takungan Sg. Labu (ORS)	66.10 peratus
Empangan Langat	100 peratus
Semenyih	72.73 peratus
Empangan Sg Tinggi	51.81 peratus
Tasik Subang	73.11 peratus



KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang Memanggil tender	Tajuk Projek (Pembinaan)**	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA MENAIKTARAF PUSAT DATA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, PEJABAT SUK SELANGOR, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SELANGOR DARUL EHSAN No. Tender : JKR/SEL/ (N)045(T)/2014	Bumiputra T1	CIDB Gred : G4 Kategori : B Penghususan: B28 Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. Tarikh Dokumen Dijual: 21/11/2014 (Jumaat) Sehingga 04/12/2014 (Khamis)	RM130.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 12/12/2014 (Jumaat) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Lawatan Tapak DIWAJIBKAN Tarikh 21.11.2014 (Jumaat) Jam 10.00 pagi di Bahagian Bangunan, Tingkat 1, JKR Negeri Selangor, Bgn SSAAS, Shah Alam. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bhg. Bangunan JKR Negeri Selangor No. Tel: 03 55447717

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- *Jenis Syarikat Tempatan:
 - T1 Syarikat 100% milik tempatan
 - A1 Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 10% warganegara.
 - A2 Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Peruntukan secukupnya untuk Red Giants



SABAK BERNAM - Kerajaan Selangor memberi jaminan untuk menyalur peruntukan secukupnya bagi pasukan bola sepak Selangor memberi saingan sengit dalam Liga Super Malaysia musim depan.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari (**gambar**) memahami keperluan kewangan dalam memberi cabaran, apatah lagi pasukan

lain turut membuat persediaan rapi.

"Kita menyedari perbelanjaan pasukan bola sepak negeri meningkat setiap tahun, apatah lagi trend perbelanjaan pasukan seperti Johor Darul Takzim (JDT), Felda, Polis yang menunjukkan peningkatan.

"Kerajaan Negeri akan pastikan perbelanjaan selaras dengan keadaan semasa. Kita sedang tunggu maklumat Per-

satuan Bolasepak Selangor (FAS) secara rasmi," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri dan rakyat menaruh harapan tinggi untuk melihat Selangor kembali sebagai juara terutama Piala Malaysia yang kali terakhir dimenangi pada 2005.

"Kita memburu misi ke-33 yang masih tertangguh. Saya kira Kerajaan Negeri perlu

membuat keputusan baik bagi memastikan pembangunan bola sepak, ibu segala sukan diurus sempurna," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan perlawanan bola sepak Piala Emas Raja-Raja antara Selangor dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) di Stadium Sungai Besar di sini, 15 November lalu.

Perlawanan itu berakhir dengan Selangor menang 2-1.

Nama jalan iktiraf jasa

SABAK BERNAM - Kerajaan Selangor merancang pelbagai program bagi memperingati legenda bola sepak negara, Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata satu jalan atas nama Datuk Mokhtar Dahari berhampiran Kompleks Perbadanan Kema-

juan Negeri Selangor (PKNS), dibuat.

"Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) juga baru melancarkan kejohanan Piala Datuk Mokhtar Dahari sebagai program tahunan

"Datuk Mokhtar Dahari adalah imej dan ikon terpenting dalam bola sepak Selangor," katanya kepada Selangor Kini, 15 November lalu.

Pada 13 November lalu, Google Malaysia memapar seni lakaran atau 'doodle' Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari sempena ulang tahun kelahiran ke-61.



33 pasukan rebut Piala Dato' Mokhtar Dahari



Mohd Salleh memegang jersi nombor 10 (Mokhtar Dahari)

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) buat julung kali menganjur kejohanan bola sepak bawah 17 tahun bagi merebut Piala Dato' Mokhtar Dahari.

Dengan tajaan bernilai RM120,000, kejohanan itu disertai 594 pemain dari 33 pasukan sekolah menengah di Petaling Perdana dan Petaling Utama.

Ia bermula 10 November lalu manakala perlawanan akhir pada 22 November ini di Stadium Mini Majlis Perbandaran Subana Java (MPSJ).

Johan bakal menerima wang tunai RM5,000 dan piala pusingan, naib johan (RM4,000), tempat ketiga (RM3,000) manakala tempat keempat (RM2,000).

Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Selangor, Mohd Salleh Mohd Kassim berharap kejohanan itu bakal melahirkan jaguh bola sepak yang mampu memartabat Selangor dan Malaysia di pentas antarabangsa, mengulangi kehebatan legenda bola sepak, Mokhtar Dahari.

"Setinggi penghargaan kepada Perangsang Selangor atas sokongan dan tajaan kejohanan," katanya pada perasmian kejohanan itu.

Pasukan dibahagi kepada lapan kumpulan dengan format

secara liga iaitu johan dan naib johan kumpulan layak ke pusingan suku akhir.

Pada perlawanan pembukaan, SMK USJ 23 menumpaskan SMK USJ 8 dengan keputusan 1-0 hasil sepakan penalti J Prakash yang dinobatkan sebagai pemain terbaik dan menerima jersi eksklusif nombor 10 sempena memperingati Mokhtar Dahari.

Kejohanan berlangsung selama 13 hari di Padang Dato' Sattim, Stadium Mini SMK USJ 23, Padang Awam USJ 11, Padang SUK A, Padang SUK B, Padang PKNS B dan Padang Astaka.

Pasukan yang layak ke pusingan suku akhir akan menerima jersi eksklusif tajaan Perangsang Selangor.

GEMILANG SEORANG LAGENDA

MULA WAKILI SELANGOR Piala Burnley 1971

PIALA MALAYSIA Wakili Selangor 1972

MULA WAKILI NEGARA Pestabola Merdeka 1972

KALI TERAKHIR WAKILI NEGARA

Pra-Piala Dunia menentang Korea Selatan di Seoul 1985

KAPS 167

GOL PIALA MALAYSIA 177

GOL ANTARABANGSA 125

JARINGAN TERBAIK

Gol penyamaan menentang England B pada 1978

PENCAPAIAN Membantu Selangor memenangi Piala Malaysia 10 kali. Menang pingat gangsa Sukan Asia 1974 di Teheran

ANUGERAH

Olahragawan Kebangsaan 1976



Suee Lim mahu terus dedah penyelewengan

Akan terus pantau, dedah penyelewengan pemimpin Umno

MUKA 7

Banglo: Khir Toyo tarik balik saman

MUKA 7

Peruntukan secukupnya untuk Red Giants

Kerajaan Negeri akan pastikan perbelanjaan selaras dengan keadaan semasa

MUKA 15

Talian bebas tol pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK)
1800-88-2824

OLEH NAEEM RAFFI

BANTING - Projek tanaman durian Belanda penduduk Kampung Sungai Lang Baru di sini, dijangka mengeluarkan hasil sulung awal tahun depan.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, projek berskala kecil yang diusahakan secara kelompok itu sejak tahun lalu.

"Ia perlu dicontohi. Tidak mustahil akan jadi projek tanaman berskala besar jika diusaha secara meluas. Ini projek perintis dan diharapkan terus maju.

"Kita akan sebar luas ke kawasan lain, sekali gus menjadikannya projek berskala besar pada masa depan," katanya ketika melawat kebun durian Belanda di kampung itu, 16 November lalu.

Projek itu inisiatif Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan yang mengagih 2,500 anak pokok percuma kepada 10 kampung tradisi.

Zaidy juga akan bekerjasama dengan Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Minta Jabatan Pertanian Selangor fokus membuat kajian pemasaran kerana dalam tujuh bulan lagi, tanaman itu mengeluarkan hasil pertama.

Di Pekan Baru Riau, Indonesia, katanya, durian Belanda popular kerana daunnya berkhasiat untuk mengubati kanser dan penyakit gaut.

"Kita giat mengkaji peranan herba dan mencari tapak untuk dijadikan hab tanaman herba.

Hasil projek tanaman durian Belanda awal 2015



Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, menanam anak pokok durian Belanda hasil projek inisiatif Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan

Durian Belanda antara tanaman itu," katanya.

Terdahulu, Zaidy merasmikan Program Jelajah Tani di Dewan

Undangan Negeri (DUN) Tanjung Sepat di Padang Sungai Kelambu pada hari sama.

Beliau melawat Taman Kekal

Pengeluaran Makanan (TKPM) Sungai Kelambu bagi meninjau projek pertanian nenas, sayuran dan tanaman kontan umbisi.

Jelajah Tani diadakan di tujuh DUN bermula di Tanjung Sepat dan berakhir di Jeram pada 14 Disember ini.

BERITA RASMI KERAJAAN NEGERI SELANGOR



<http://selangorkini.net>

UTAMA | NASIONAL | KENYATAAN MEDIA | TEMPATAN | RENCANA | LENS



<http://tv.selangorku.com>

TERKINI | PROGRAM KERAJAAN NEGERI | LAPORAN KHAS | BONGKAR



Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh Percetakan Turbo (M) Sdn Bhd (140879-U), No. 8, Jalan Sekinchan 26/9, Seksyen 26, Shah Alam, Selangor. Telefon: 03-51929800 Faks: 03-51929819